

Tiada permohonan maaf ucapan PM — Syed Hamid

PUTRAJAYA 17 Ogos — Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menjelaskan bahawa beliau tidak pernah meminta maaf kepada mana-mana pihak berhubung ucapan Perdana Menteri yang disalah tafsir sebagai anti-Yahudi.

Sebaliknya Syed Hamid menyifatkan tindakan media asing yang menyamakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan pemimpin Al-Qaeda, Osama bin Laden adalah sebagai kurang ajar.

“Ini bukan setakat keterlaluan, tetapi kurang ajar kerana ucapan Dr. Mahathir ini adalah di dalam satu sidang kemuncak antarabangsa,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan saluran stesen *Cable News Network (CNN)* yang memetik kenyataannya sebagai meminta maaf bagi pihak Dr. Mahathir.

Selain itu, sebuah akhbar Australia hari ini, *Herald Sun* telah yang menyamakan Perdana Menteri dengan Osama ekoran ucapannya yang didakwa mengkritik kaum Yahudi.

Akhbar itu memetik kenyataan juru-

sikap pegawai perhubungan luar pembangkang, Kevin Rudd yang mendakwa Dr. Mahathir mahu umat Islam menentang Yahudi dengan cara yang bijak sebagaimana Yahudi menggunakan proksi dalam mengalahkan musuhnya.

“Apa yang saya kata adalah jelas, saya meminta maaf kerana ia disalah ertikan dan itu adalah dua perkara yang berbeza,” ujar Syed Hamid.

Katanya, sikap pihak tertentu yang melenting tidak tentu pasal berhubung ucapan Dr. Mahathir itu adalah berbeza dengan sikap mereka sendiri yang suka mengkritik umat Islam.

Katanya, pihak berkenaan sepatutnya mengambil keseluruhan intipati ucapan Dr. Mahathir itu sebelum mendakwa Perdana Menteri bersikap anti kepada mana-mana pihak.

Beliau tidak terkejut dengan laporan akhbar asing berkenaan yang memetik kenyataan hanya mengikut pandangan mereka sendiri.

Katanya, ini kerana mereka adalah ‘sherif’ kepada Amerika Syarikat (AS) dan sebagai ‘sherif’ mereka perlu me-

mastikan setiap proses undang-undang dilakukan mengikut kaca mata mereka.

“Dan itulah yang mereka lakukan kepada kita dengan membuat kesimpulan tanpa mengambil kira keseluruhan ucapan Perdana Menteri dan ini adalah salah.

“Saya fikir mereka hanya melihat kepada beberapa baris ucapan dan kemudiannya mentafsir dengan salah dan memberi pandangan tersendiri mengikut pandangan mereka,” katanya.

Jelasnya, Malaysia bukan sebuah negara yang mahu mencari musuh dengan sesiapa tetapi apa yang terkandung dalam ucapan Dr. Mahathir adalah mesej untuk orang Islam bangkit dengan bersatu sesama mereka.

Katanya, walaupun kecewa dengan reaksi tidak tentu pasal itu, Malaysia tetap berpuas hati dengan perjalanan keseluruhan Sidang Kemuncak OIC kali ini.

Ini kerana pada masa yang sama, hampir semua pemimpin OIC memper-tahankan ucapan Dr. Mahathir itu.